

118

SOALAN NO: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB HJH SITI ZAILAH BT MOHD YUSOF [
RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

SOALAN : 51

YB RANTAU PANJANG pula meminta Perdana Menteri menyatakan jumlah anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan cawangan yang berdaftar di Kelantan demi memastikan kecekapan perkhidmatan dalam persiapan musim banjir.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Pihak Kerajaan amat komited bagi mempersiapkan rakyat ke arah komuniti yang memiliki ilmu pengetahuan dan berdaya tahan di dalam menghadapi sebarang bentuk ancaman keselamatan, kecemasan dan bencana dengan mewujudkan budaya *Community Based Risk Management*, di mana rakyat dilibatkan secara menyeluruh sebagai barisan hadapan memberikan maklumat dan tindak balas kepada agensi Kerajaan khususnya APM. Perkara ini juga menjadi komitmen Kerajaan di dalam memastikan keutuhan atau daya tahan rakyat (*resilience*) di bawah *Sendai Framework for Disaster Risk Reduction* (SFDRR) dapat dicapai dengan jayanya. Melalui Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), pelbagai usaha telah dirancang dan dilakukan termasuklah dengan mewujudkan Pasukan – Pasukan Kadet Pertahanan Awam di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi bagi memastikan golongan muda didedahkan di peringkat awal mengenai pengurusan bencana. Selain daripada lantikan Pegawai Kehormat dan Pegawai Bersekutu kepada ketua-ketua komuniti, APM juga telah melaksanakan pelbagai bentuk latihan dan ceramah kepada orang awam dan sedang meningkatkan usaha penubuhan *Civil Defence Emergency Response Team* (CDERT) terutamanya di kawasan yang mempunyai sejarah risiko kejadian bencana di seluruh Malaysia.